




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI MELAKA

SIRI 1





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI MELAKA

SIRI 1

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PENDAHULUAN	3
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI MELAKA Pengurusan Hak Milik Strata	3
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA Pengurusan Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin	11
PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA Planetarium Melaka Sdn. Bhd.	19
YAYASAN MELAKA YM Mediscience Sdn. Bhd.	35
PENUTUP	51



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Melaka.
2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuh. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2012 untuk sesi pembentangan pertama tahun 2013 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana hasrat Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Jabatan dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan

kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 15 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

11 Februari 2013



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI MELAKA

- Pengurusan Hak Milik Strata

1.1. Mengikut Bahagian II Seksyen 6 Akta Hakmilik Strata 1985, memecah bahagi bangunan bermaksud pengeluaran hak milik strata bagi setiap petak di bangunan berbilang tingkat yang terletak di satu lot. Merujuk kepada Seksyen 8 dalam Akta yang sama, permohonan hak milik strata perlu dilakukan oleh setiap pemilik tanah apabila terdapatnya bangunan berbilang tingkat di atas tanahnya dan telah dijual. Tempoh yang ditetapkan adalah 6 bulan dari tarikh jualan atau Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) dikeluarkan yang mana terkemudian dan tambahan 3 bulan lagi dengan kebenaran daripada Pengarah Tanah Dan Galian.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan hak milik strata adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Permohonan hak milik strata tidak dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh CFO dikeluarkan.
- Pengeluaran hak milik strata melebihi tempoh yang ditetapkan antara 172 hingga 750 hari.
- Kelemahan penguatkuasaan bagi memastikan pemaju/pemilik membuat permohonan Hak Milik Strata.

1.3. Bagi memastikan pengurusan hak milik strata telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, PTG disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Mendapatkan maklumat bangunan berbilang tingkat yang telah mendapat CFO dan dijual daripada PBT bagi tujuan pemantauan dan siasatan.

1.3.2. Memastikan penguatkuasaan dan denda dikenakan kepada pemaju/pemilik bangunan yang gagal kemukakan permohonan.

1.3.3. Menambahbaik Akta sedia ada bagi membolehkan cukai tanah berdasarkan petak diperkenalkan dan dilaksanakan bagi memastikan kepentingan pemilik dilindungi.

2. JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

- Pengurusan Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin

2.1. Pada tahun 2000 Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin (Program) melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) bertujuan menyediakan rumah yang lebih selesa dan selamat serta meningkatkan kualiti hidup golongan miskin. Unit Pembela, Pembangunan Desa Dan Pemantauan ADUN Melaka (UPPDPA) telah ditubuhkan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.29/2011 bertanggungjawab menguruskan program ini. Bagaimanapun, pelaksanaannya melibatkan 3 agensi iaitu Pejabat Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN), GiatMARA dan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI). Program ini meliputi 2 kategori bantuan iaitu bina baru dan baik pulih rumah.

2.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Program adalah baik kerana pencapaian pelaksanaan Program ini melebihi 90%. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibaiki di peringkat pelaksanaan seperti berikut:

- Rumah bina baru tidak mengikut spesifikasi dan mengalami kerosakan.
- Rumah yang dibina di atas tanah rezab Kerajaan.
- Bantuan 2 kali kepada penerima yang sama.
- Penerima bantuan tidak memenuhi syarat permohonan.

2.3. Bagi memastikan pengurusan Program dilaksanakan dengan cekap dan berkesan adalah disyorkan tindakan seperti berikut:

2.3.1. Pemantauan pelaksanaan kerja di peringkat UPPDPA, JAPERUN dan Pejabat Daerah perlu dipertingkatkan untuk menjamin kualiti pembinaan dan baik pulih rumah.

2.3.2. JAPERUN dan UPPDPA perlu memeriksa dengan teliti semua rumah yang dibina dan dibaiki untuk mengenal pasti kerosakan, kecacatan dan kerja tidak mengikut spesifikasi diambil tindakan pemberian segera sebelum rumah diserahkan kepada penerima bantuan.

2.3.3. UPPDPA perlu memastikan pembinaan rumah di atas tanah rezab Kerajaan mendapat kelulusan pihak yang berkenaan.

2.3.4. UPPDPA perlu memastikan setiap permohonan mematuhi syarat yang ditetapkan supaya hanya pemohon yang layak sahaja menerima bantuan dan tidak ada penerima yang sama menerima kedua-dua bantuan serentak.

3. PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA

- **Planetarium Melaka Sdn. Bhd.**

3.1. Planetarium Melaka Sdn. Bhd. (PMSB) yang dahulunya dikenali sebagai Institut Integriti Melaka Sdn. Bhd. (IIM) ditubuhkan pada 28 Februari 2006 dengan modal dibenarkan berjumlah RM500,000 dan modal berbayar berjumlah RM450,000. PMSB ditukar nama daripada IIM kepada PMSB pada 28 Julai 2009 dan mulai beroperasi pada bulan Ogos 2009. PMSB dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI). Aktiviti utama PMSB adalah perkhidmatan rekreasi dan pelancongan menerusi pameran planetarium di mana pendapatan utamanya adalah dari kutipan jualan tiket, keuntungan daripada pengajuran program dan sewaan premis serta dewan seminar.

3.2. Pengauditan yang dijalankan dari bulan April hingga Jun 2012 mendapati PMSB memperoleh keuntungan bersih bagi tahun 2009 dan 2011 masing-masing sejumlah RM578 dan RM175,200 manakala bagi tahun 2010 mengalami kerugian sejumlah RM136,139. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan PMSB adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian pada tahun 2010 sementara keuntungan pada tahun 2011 adalah kerana bantuan kewangan yang diperolehi daripada CMI sejumlah RM378,036. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat seperti berikut:

- Sasaran bilangan pengunjung tidak ditetapkan dan sasaran kutipan tiket tidak tercapai.
- Sistem kutipan tiket tidak berfungsi dan kutipan tiket tidak dikawal.
- Penyerahan pengurusan bangunan Planetarium kepada PMSB tidak dibuat.
- Projektor dan peralatan pameran tidak disenggara manakala 2 daripada 10 CCTV tidak berfungsi dan kehilangan aset tidak dilaporkan.
- Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam belum ditubuhkan.
- Tiada *Standard Operating Procedures*.
- Kebergantungan kepada syarikat induk.

3.3. Bagi memastikan pengurusan PMSB diurus dengan lebih teratur dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam pengurusannya, PMSB adalah disyorkan supaya memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

3.3.1. Berusaha meningkatkan pendapatan dan mengurangkan perbelanjaannya dengan menyediakan pelan perniagaan dan menetapkan sasaran bilangan pengunjung dan memastikan sasaran jualan tiket tercapai serta tidak bergantung kepada bantuan kewangan daripada CMI.

3.3.2. Memastikan penyerahan pengurusan Planetarium kepada PMSB dibuat secara bertulis, status pemilikan bangunan dan peralatan pameran ditetapkan supaya

tanggungjawab penyenggaraan dapat dilaksanakan dengan baik dan memastikan peralatan CCTV berfungsi dengan baik untuk menjamin keselamatan aset dan pengunjung.

3.3.3. Mengamalkan tadbir urus korporat Syarikat dengan menjadikan pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan Negeri Melaka.

3.3.4. Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu diwujudkan supaya pengurusan dan operasi aktiviti PMSB dapat dipantau atau sebaliknya PMSB perlu meminta bantuan Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Awam (BADSA), Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka untuk membuat pengauditan terhadap pengurusan PMSB.

4. YAYASAN MELAKA

- **YM Mediscience Sdn. Bhd.**

4.1. YM Mediscience Sdn. Bhd. (MiCoST) juga dikenali sebagai Kolej Sains dan Teknologi Antarabangsa Melaka telah ditubuhkan pada 27 April 2005 dengan modal berbaya sejumlah RM2.50 juta dan dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Melaka. Aktiviti utama MiCoST ialah menguruskan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Objektif penubuhan MiCoST adalah untuk membangunkan kurikulum program pengajian sains, teknologi dan pengurusan yang terkini, melengkapkan prasarana yang menyokong sistem pembelajaran serta mempunyai tenaga pengajar yang berilmu, berpengalaman dan dapat menghasilkan graduan yang berkualiti. Kerugian terkumpul MiCoST sehingga 31 Disember 2011 adalah sejumlah RM1.66 juta.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Julai 2012 mendapati pengurusan MiCoST adalah memuaskan kerana MiCoST memperoleh keuntungan bersih 3 tahun berturut-turut iaitu bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Namun terdapat kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- Pengambilan sebenar pelajar hanya mencapai 74.2% daripada sasaran yang ditetapkan.
- Kampus MiCoST di Bangunan Rumah Media Melaka tidak disenggara.
- Surat perjanjian bagi penyewaan perkhidmatan pengangkutan bagi membawa pelajar masih belum disediakan.
- Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan belum ditubuhkan.

4.3. Bagi memastikan pengurusan syarikat diurus dengan teratur, MiCoST disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

4.3.1. Mengambil langkah yang perlu supaya pengambilan pelajar mencapai sasaran yang ditetapkan bagi memastikan syarikat terus mencatatkan keuntungan oleh operasinya.

4.3.2. Memastikan nisbah pensyarah tetap dan sambilan selaras dengan peraturan yang ditetapkan MQA.

4.3.3. Perjanjian penyewaan Rumah Media dan perkhidmatan pengangkutan dimuktamadkan dengan segera.

4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan serta mendapatkan khidmat Unit Audit Dalam Yayasan Melaka bagi melaksanakan audit dalaman ke atas syarikat.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PENDAHULUAN

Bagi tujuan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri 1 pada tahun 2013, sebanyak 2 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat yang telah diaudit akan dilaporkan dalam Laporan ini. Dua aktiviti tersebut adalah Pengurusan Hak Milik Strata dan Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin serta 2 pengurusan syarikat subsidiari iaitu Planetarium Melaka Sdn. Bhd. serta YM Mediscience Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agenzi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini.

PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI MELAKA

2. PENGURUSAN HAK MILIK STRATA

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Mengikut Bahagian II Seksyen 6 Akta Hakmilik Strata 1985, memecah bagi bangunan bermaksud pengeluaran hak milik strata bagi setiap petak di bangunan berbilang tingkat yang terletak di satu lot. Merujuk kepada Seksyen 8 dalam Akta yang sama, permohonan hak milik strata perlu dilakukan oleh setiap pemilik tanah apabila terdapatnya bangunan berbilang tingkat di atas tanahnya dan telah dijual. Tempoh yang ditetapkan adalah 6 bulan dari tarikh jualan atau Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) dikeluarkan yang mana terkemudian dan tambahan 3 bulan lagi dengan kebenaran daripada Pengarah Tanah Dan Galian.

2.1.2. Matlamat pengeluaran hak milik strata kepada setiap pemilik petak adalah bagi memelihara kepentingan pemilik petak dan memudahkan urusan pindah milik kepada pembeli petak. Hak milik tanah akan didaftarkan atas nama Perbadanan Pengurusan (MC) yang wujud secara automatik sebaik sahaja hak milik strata didaftar kepada pemilik petak bangunan itu. MC ditubuhkan di bawah Seksyen 39 Akta Hakmilik Strata 1985 dan adalah sebuah entiti perbadanan yang boleh mendakwa dan didakwa.

2.1.3. Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka (PTG) berfungsi sebagai pusat untuk menerima, memproses permohonan, mendaftar dan menguatkuasakan Akta Hakmilik Strata 1985. Jabatan Ukur Dan Pemetaan Melaka (JUPEM) berperanan meluluskan dan memeriksa perkara yang berkaitan dengan teknikal tanah dan bangunan seperti kerja-kerja

ukur. Bagi tahun 2008 hingga 2012, sebanyak 7,122 petak telah didaftarkan oleh PTG berbanding 8,986 petak permohonan yang diterima.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran hak milik strata telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi permohonan, pendaftaran dan pengeluaran hak milik strata bagi tahun 2008 hingga 2012 di PTG dan meliputi tahun sebelumnya sekiranya perlu. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen di PTG, Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Melaka (JUPEM) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan serta lawatan ke kawasan yang dikenal pasti turut dilakukan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan hak milik strata adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Permohonan hak milik strata tidak dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh CFO dikeluarkan.
- Pengeluaran hak milik strata melebihi tempoh yang ditetapkan antara 172 hingga 750 hari.
- Kelemahan penguatkuasaan bagi memastikan pemaju/pemilik membuat permohonan Hak Milik Strata.

2.4.1. Permohonan Hak Milik Strata Tidak Dibuat

2.4.1.1. Seksyen 8(2) Akta Hakmilik Strata 1985 menyatakan permohonan hak milik strata hendaklah dikemukakan oleh pemaju/pemilik bangunan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh CFO dikeluarkan atau tarikh Perjanjian Jual Beli (S&P) ditandatangani yang mana terkemudian.

2.4.1.2. Semakan Audit terhadap Laporan Jawatankuasa Ekspres yang diwujudkan oleh PTG dan dianggotai oleh Pegawai Daerah, Pegawai Unit Strata dan Majlis Perbandaran mendapati tiada permohonan hak milik strata dibuat ke atas 47 bangunan berbilang

tingkat. Bangunan-bangunan ini merupakan bangunan yang telah mendapat CFO dan telah dijual dari tahun 1987 hingga 2010. Menurut PTG antara sebab permohonan tidak dibuat adalah masalah tanah dan bangunan, gadaian, pertikaian harta bersama dan tindakan undang-undang. Disebabkan pemaju/pemilik bangunan tidak membuat permohonan, pembeli tidak mempunyai hak milik individu yang sah. Antara bangunan yang terlibat adalah Taman Tasik Utama, Rumah Bandar Taman Saujana, Taman Bukit Cheng dan Mahkota Parade. Keadaan bangunan yang dimaksudkan adalah seperti di Gambar 2.1 hingga Gambar 2.4.

Gambar 2.1
Rumah Pangsa Taman Tasik Utama Yang Menghadapi Masalah Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tasik Utama
Tarikh: 9 Ogos 2012

Gambar 2.2
Rumah Bandar (*Town House*) Taman Saujana Yang Menghadapi Masalah Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Saujana Bukit Katil
Tarikh: 1 Ogos 2012

Gambar 2.3
Rumah Bandar (*Town House*) Taman Bukit Cheng Yang Menghadapi Hak Milik Sementara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bukit Cheng
Tarikh: 1 Ogos 2012

Gambar 2.4
Pusat Membeli Belah Mahkota Parade Yang Menghadapi Masalah Gadaian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mahkota Parade, Banda Hilir
Tarikh: 9 Ogos 2012

- a. Semakan lanjut mendapati 5 pemaju telah diisyiharkan muflis, 2 tidak dapat dikesan dan satu syarikat telah digulungkan oleh mahkamah. Maklumat terperinci bangunan berkenaan adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1

Pemaju Yang Telah Muflis, Tidak Dapat Dikesan Dan Digulung

Bil.	Pemaju	Nama Bangunan/Taman	Tarikh CFO	Status
1.	Caven Holdings Sdn. Bhd.	Rumah Pangsa Damai Ujong Pasir	1.1.1987	Tidak dapat dikesan
2.	Syarikat Bunga Mawar Sdn. Bhd.	Plaza Pandan Perdana	1.1.1987	Muflis
3.	Kiara Mutiara Sdn. Bhd.	Kiara Mutiara Beach Resort	14.4.1995	Muflis
4.	Jeuro Dev. Sdn. Bhd.	Kondominium Lagenda	26.5.1995	Muflis
5.	Riviera Bay Resort Condominium Sdn. Bhd.	Everly Resort Hotel	11.10.1995	Digulungkan
6.	Atlantic Potential Sdn. Bhd.	Plaza Hang Tuah	24.5.1997	Muflis
7.	Sentuhan Mutiara Sdn. Bhd.	Kiara Apartment Batu Berendam	31.3.1998	Muflis
8.	City Summit Sdn. Bhd.	Taman Saujana Indah Sek. 2	30.4.2009	Tidak dapat dikesan

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Melaka

- b. Selain itu, tiada maklumat bangunan berbilang tingkat yang telah memperoleh CFO diselenggara oleh PTG. PTG sepatutnya boleh bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mendapatkan maklumat CFO bagi bangunan berbilang tingkat secara berkala. Ini kerana PBT mempunyai setiap maklumat bangunan berbilang tingkat yang telah memperolehi CFO. Maklumat ini penting untuk pemantauan dan penguatkuasaan oleh PTG terhadap bangunan berbilang tingkat terutamanya bagi mengenal pasti bangunan-bangunan berbilang tingkat yang telah dijual dan memperolehi CFO yang masih belum membuat permohonan. Akibatnya tiada perancangan untuk membuat siasatan atau lawatan ke atas bangunan berbilang tingkat bagi memastikan pemilik memohon hak milik strata. Bagaimanapun lawatan dan siasatan ada dijalankan berdasarkan aduan yang diterima. **Menurut maklum balas PTG bertarikh 22 November 2012, masalah ini dapat diselesaikan dengan rang undang-undang hak milik strata pada tahun 2012.**

Pada pendapat Audit, PTG perlu bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mendapatkan maklumat setiap bangunan berbilang tingkat yang telah mendapat CFO daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan dijual supaya pemantauan dapat dijalankan untuk memastikan bangunan tersebut didaftarkan hak milik strata.

2.4.2. Proses Pengeluaran Hak Milik Strata

Bagi tahun 2008 hingga 2012, PTG telah menerima sebanyak 627 permohonan hak milik strata. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 596 permohonan telah diluluskan melibatkan 7,122 petak (unit rumah). Semakan Audit terhadap 50 fail permohonan hak milik strata bagi tahun 2008 hingga 2012 mendapati perkara-perkara berikut:

2.4.2.1. Permohonan Tidak Dikemukakan Oleh Pemaju/Pemilik Bangunan Dalam Tempoh 6 Bulan

- a. Seksyen 8(2) Akta Hakmilik Strata 1985 menyatakan permohonan strata hendaklah dikemukakan oleh pemaju/pemilik bangunan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh CFO dikeluarkan atau tarikh S&P ditandatangani yang mana terkemudian. Lanjutan masa tidak melebihi 3 bulan boleh diberikan sekali dalam tempoh permohonan tersebut.
- b. Semakan Audit mendapati 34 atau 68.0% permohonan hak milik strata tidak dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh CFO dikeluarkan. Antaranya Rumah Pangsa Kawasan Bandar, Apartment Kawasan Bandar, Plaza Mahkota Banda Hilir dan Pangsapuri KLU Taman Kota Laksamana. Penguatkuasaan yang kurang tegas dan berterusan daripada PTG menyebabkan pemaju/pemilik bangunan tidak serius untuk membuat permohonan. Kesannya kerajaan kehilangan hasil iaitu denda yang sepatutnya dikutip atas kadar RM10,000 tetapi tidak lebih RM100,000 bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan seterusnya denda tidak kurang RM100 tetapi tidak lebih RM1,000 sehari boleh dikenakan. **Menurut maklum balas PTG bertarikh 22 November 2012, masalah ini dapat diselesaikan dengan rang undang-undang hak milik strata pindaan 2012.**

2.4.2.2. Pengeluaran Hak Milik Strata Melebihi Tempoh

- a. Panduan Kerja Pelaksanaan Penambahbaikan Proses Kerja Pengeluaran Hakmilik Strata menetapkan tempoh pengeluaran hak milik strata bagi tahun 1992 hingga 2007 adalah 268 hari. Bagaimanapun Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bil. 1 Tahun 2008, telah menetapkan tempoh pengeluaran hak milik strata kepada 170 hari mulai tahun 2008.
- b. Semakan Audit mendapati 29 atau 58.0% pengeluaran hak milik strata melebihi tempoh yang ditetapkan antara 172 hingga 750 hari. Antaranya Rumah Pangsa Kawasan Bandar, Taman Bukit Katil Permai, Taman Limbungan Permai dan Rumah Bandar Klebang Kecil. Kesannya hak milik strata lewat dikeluarkan dan pembeli tidak mendapat hak milik individu. **Maklum balas PTG bertarikh 22 November 2012 antaranya menjelaskan kelewatan pengeluaran hak milik strata adalah disebabkan oleh beberapa pertanyaan daripada JUPEM yang perlu dijawab oleh Juruukur Berlesen, membuat permohonan permit udara kerana terdapat struktur yang terunjur keluar dari lot dan dokumen yang dikemukakan oleh Juruukur Berlesen tidak lengkap.**
- c. Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bil. 1 Tahun 2008 menetapkan tempoh pemprosesan peringkat pertama dan peringkat kedua di JUPEM adalah seperti di **Jadual 2.2** di bawah.

Jadual 2.2
Tempoh Pemprosesan Peringkat Pertama Dan Peringkat Kedua Di JUPEM

Peringkat	Tempoh Pemprosesan (Hari)	
	Tahun 1992 - 2007	Mulai Tahun 2008
Pertama	55	30
Kedua	80	50

Sumber: JUPEM

- d. Semakan Audit bagi 18 permohonan mendapati tempoh pemprosesan peringkat pertama di JUPEM melebihi tempoh ditetapkan iaitu 6 permohonan bagi tahun 2007 dan sebelumnya melebihi 55 hari manakala 12 permohonan bagi tahun 2008 dan seterusnya melebihi 30 hari. Bagi pemprosesan peringkat kedua sebanyak 14 daripada 33 permohonan bagi tahun 2008 dan seterusnya melebihi 50 hari. Keadaan ini juga menyumbang kepada kelewatan pengeluaran hak milik strata.

2.4.2.3. Permohonan Lanjutan Hak Milik Strata Tidak Dikemukakan

- a. Seksyen 8(6) Akta Hakmilik Strata 1985 menyatakan PTG boleh meluluskan tempoh lanjutan tidak lebih dari 3 bulan sebelum tamat tempoh 6 bulan selepas CFO dikeluarkan atau Perjanjian Jual Beli (S&P) ditandatangani. Seksyen 8(7) pula menyatakan jika permohonan lanjutan tidak dikemukakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2), (4) dan (6), pemaju/pemilik bangunan adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM100,000 dan bagi kesalahan yang terus dilakukan denda tidak kurang RM100 tetapi tidak lebih RM1,000 sehari boleh dikenakan.
- b. Semakan Audit mendapati 25 atau 50.0% permohonan lanjutan tidak dikemukakan walaupun permohonan hak milik strata dibuat selepas tamat tempoh 6 bulan CFO dikeluarkan atau S&P ditandatangani yang mana terkemudian. Permohonan lanjutan tidak dikemukakan adalah disebabkan Seksyen 8(7) Akta tidak dikuatkuasakan dan tiada pangkalan data bangunan berbilang tingkat di PTG. **Analisis Audit mendapati anggaran hasil yang tidak dikutip daripada denda minimum yang boleh dikenakan adalah berjumlah RM4.75 juta.** Butiran denda lewat yang boleh dikenakan mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 2.3.**

Jadual 2.3
Denda Lewat Yang Boleh Dikenakan

Tahun Permohonan	Bilangan Permohonan	Denda Seksyen 8(7)		Jumlah (RM Juta)
		RM10,000 – RM100,000 Setiap Kesalahan	RM100 – RM1,000 Bagi Hari Seterusnya	
		(RM Juta)		
2007	4	0.04	0.49	0.53
2008	6	0.06	1.30	1.36
2009	9	0.09	1.48	1.57
2010	5	0.05	0.86	0.91
2011	1	0.01	0.37	0.38
Jumlah	25	0.25	4.50	4.75

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Melaka

- c. **Menurut maklum balas PTG bertarikh 22 November 2012, masalah ini dapat diselesaikan dengan rang undang-undang hak milik strata pindaan 2012.**

Pada pendapat Audit, PTG perlu mematuhi Akta dan panduan kerja bagi memastikan pemprosesan hak milik strata dapat dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan. Selain itu, pemantauan hendaklah dijalankan dan mengenakan denda kepada pemaju/pemilik bangunan yang gagal mengemukakan permohonan.

2.4.2.4. Penguatkuasaan Seksyen 8 Akta Hakmilik Strata 1985

- a. Mengikut Minit Mesyuarat Pemantauan Isu-Isu Kelewatan Permohonan Dan Pendaftaran Hakmilik Strata Serta Penguatkuasaan yang diadakan pada 29 Oktober 2009 oleh Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (KPTG) memutuskan bahawa tindakan penguatkuasaan Seksyen 8 tidak boleh dilaksanakan bagi bangunan berbilang tingkat yang telah mendapat CFO dan dijual sebelum 12 April 2007. Ini kerana tiada peruntukan di dalam Akta yang membolehkan tindakan penguatkuasaan dikenakan terhadap pemaju/pemilik bangunan yang mendapat CFO dan dijual sebelum 12 April 2007. Bagaimanapun ini tidak menghalang pemaju/pemilik untuk terus mengemukakan permohonan hak milik strata di PTG. Namun selepas pindaan Akta dibuat, PTG masih gagal melaksanakan penguatkuasaan Akta tersebut terhadap pemaju/pemilik bangunan yang mendapat CFO dan dijual selepas 12 April 2007. Kesannya pembeli petak bagi bangunan berbilang tingkat yang belum memohon hak milik strata sebelum dan selepas tahun 2007 tiada hak milik dikeluarkan kepada pembeli. **Menurut maklum balas PTG bertarikh 22 November 2012, masalah ini dapat diselesaikan dengan rang undang-undang hak milik strata pindaan 2012.** Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan perkara ini masih dalam proses pindaan Akta Hakmilik Strata di peringkat Ibu Pejabat KPTG.

- b. Kanun Tanah Negara 1965 memperincikan dan menetapkan Cukai Tanah ialah cukai yang mesti dibayar oleh Tuan Tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pejabat Tanah. Kelewatan menjelaskan cukai ini boleh menyebabkan tanah dirampas. Manakala Akta A 1290 pindaan bulan April 2007 pula memberikan definisi baru kepada petak strata ini dengan memperkenalkan konsep petak sebagai "tanah" sepetimana tanah yang ada di permukaan bumi.
- c. Semakan Audit mendapati, pemilikan petak masih lagi dikenakan cukai berdasarkan keseluruhan tanah di mana bukan berdasarkan petak. Cukai ini akan dikutip oleh MC ke atas setiap pemilik petak dan dibayar kepada Pejabat Tanah. Masalah yang sering berlaku ialah kebanyakan pemilik petak gagal atau enggan menjelaskan cukai dan menyebabkan MC sukar untuk bertindak. Hal ini boleh diatasi jika cukai yang dikenakan ke atas keseluruhan lot tanah dikenakan ke atas petak individu. Jika perkara ini dapat dilaksanakan ianya dapat membantu melindungi pemilik petak daripada tanah dirampas kerana kegagalan menjelaskan cukai tanah oleh MC.

Pada pendapat Audit, cukai tanah individu berdasarkan petak boleh diperkenalkan dan dilaksanakan bagi memastikan kepentingan pemilik petak dapat dilindungi malah Kerajaan Negeri juga boleh meningkatkan hasil cukai tanah.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan hak milik strata telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, PTG disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

- 2.5.1.** Mendapatkan maklumat bangunan berbilang tingkat yang telah mendapat CFO dan dijual daripada PBT bagi tujuan pemantauan dan siasatan.
- 2.5.2.** Memastikan penguatkuasaan dan denda dikenakan kepada pemaju/pemilik bangunan yang gagal kemukakan permohonan.
- 2.5.3.** Menambah baik Akta sedia ada bagi membolehkan cukai tanah berdasarkan petak diperkenalkan dan dilaksanakan bagi memastikan kepentingan pemilik dilindungi.

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

3. PENGURUSAN PROGRAM BANTUAN RUMAH RAKYAT TERMISKIN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pada tahun 2000 Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin (Program) melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) bertujuan menyediakan rumah yang lebih selesa dan selamat serta meningkatkan kualiti hidup golongan miskin. Unit Pembela, Pembangunan Desa Dan Pemantauan ADUN Melaka (UPPDPA) telah ditubuhkan melalui keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.29/2011 bertanggungjawab menguruskan program ini iaitu menyelaras semua keperluan data atau laporan maklumat kemiskinan seluruh Negeri Melaka, menjadi agensi perantara antara golongan kurang berkemampuan dengan agensi penyumbang bantuan dan menyelaras permohonan bantuan rumah di bawah PPRT. Bagaimanapun, pelaksanaannya melibatkan 3 agensi iaitu Pejabat Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN), GiatMARA dan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI). Program ini meliputi 2 kategori bantuan iaitu bina baru dan baik pulih rumah.

3.1.2. Program dibiayai oleh 3 sumber kewangan iaitu Kerajaan Negeri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan 1 Malaysian Development Berhad (1MDB). Bagi tahun 2010 hingga 2012 sejumlah RM32.12 juta peruntukan disediakan dan sejumlah RM27.93 juta telah dibelanjakan seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Bil.	Sumber Peruntukan	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
1.	Kerajaan Negeri	2010	9.44	8.70
		2011	8.35	7.88
		2012	10.24	7.26
Jumlah			28.03	23.84
2.	KKLW	2011	3.25	3.25
		2012	0.34	0.34
Jumlah			3.59	3.59
3.	1MDB	2011	0.50	0.50
Jumlah			0.50	0.50
Jumlah Keseluruhan			32.12	27.93

Sumber: Rekod UPPDPA Dan GiatMARA

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program ini telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi pengurusan Program bagi tahun 2010 hingga 2012 dan meliputi tahun sebelumnya sekiranya perlu di daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak dan menganalisis data yang berkaitan di UPPDPA, Pejabat Daerah Dan Tanah, JAPERUN, GiatMARA, DMDI dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Melaka (JKM). Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan penerima bantuan serta lawatan fizikal dijalankan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Program adalah baik kerana pencapaian pelaksanaan Program ini melebihi 90%. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibaiki di peringkat pelaksanaan seperti berikut:

- Sebahagian rumah bina baru tidak mengikut spesifikasi dan mengalami kerosakan.
- Rumah yang dibina di atas tanah rezab Kerajaan.
- Bantuan 2 kali kepada penerima yang sama.
- Penerima bantuan tidak memenuhi syarat permohonan.

3.4.1. Prestasi Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin

Program ini dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Akaun Amanah Kebajikan untuk membiayai 2,500 bantuan bina baru dan baik pulih. Manakala Peruntukan Kerajaan Persekutuan disalurkan melalui KKLW dan 1MDB. KKLW telah membaik pulih 364 unit rumah bagi tahun 2011 dan 29 unit rumah pada tahun 2012 yang dilaksanakan oleh GiatMARA. Manakala 1MDB telah membiayai 51 unit rumah bina baru dan baik pulih bagi tahun 2011 dan dilaksanakan oleh DMDI.

3.4.1.1. Prestasi Pelaksanaan Program

- a. Bagi tahun 2010 hingga 2012 prestasi pencapaian pelaksanaan Program di bawah peruntukan Kerajaan Negeri adalah 87.1%. Semakan terhadap peruntukan KKLW

pula mendapati bagi tahun 2011 dan 2012 pencapaiannya adalah 98.9% manakala 1MDB telah dilaksanakan sepenuhnya. Butiran lanjut seperti **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2

Prestasi Pelaksanaan Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin

Sumber	Tahun	Bilangan Diluluskan (Unit)			Bilangan Dilaksanakan (Unit)			Bilangan Belum dilaksanakan (a-b)	(%)
		Bina Baru	Baik Pulih	Jumlah (a)	Bina Baru	Baik Pulih	Jumlah (b)		
Kerajaan Negeri	2010	269	643	912	228	638	866	46	95.0
	2011	317	350	667	293	341	634	33	95.1
	2012	294	627	921	199	457	656	265	71.2
Jumlah		880	1,620	2,500	720	1,436	2,156	344	87.1
KKLW	2011	-	364	364	-	356	356	8	97.8
	2012	-	29	29	-	29	29	-	100.0
Jumlah		-	393	393	-	385	385	8	98.9
1MDB	2011	11	40	51	11	40	51	-	100.0
Jumlah Keseluruhan		891	2,053	2,944	731	1,861	2,582	352	95.3

Sumber: UPPDPA Dan GiatMARA

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati baki 46 rumah yang belum disiapkan pada tahun 2010 telah disiapkan kesemuanya pada tahun 2011 dan 2012. Bagi tahun 2011 kesemua baki 33 unit rumah telah dapat disiapkan dan dibayar pada tahun 2012. Manakala baki 265 unit rumah tahun 2012 pula akan dilaksanakan pada tahun 2013. Bagi peruntukan KKLW pula, terdapat baki 8 unit rumah di bawah bantuan baik pulih belum dilaksanakan dan pihak Audit dimaklumkan bahawa baki tersebut tidak akan dilaksanakan kerana tiada peruntukan.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan Program Bantuan Rumah Rakyat Termiskin adalah baik kerana pencapaian keseluruhan program bagi tempoh 3 tahun adalah melebihi 90%.

3.4.2. Pembinaan Rumah Bina Baru

Kontraktor yang dilantik hendaklah membina rumah yang selesa dan selamat mengikut pelan reka bentuk, spesifikasi kerja dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh UPPDPA. Spesifikasi kerja bagi bantuan rumah bina baru termasuk menyiapkan rumah lengkap bersiling dengan 2 bilik tidur, bilik air dan tandas serta pemasangan paip dan pendawaian elektrik dalaman.

3.4.2.1. Sebahagian Rumah Bina Baru Tidak Mengikut Spesifikasi

Lawatan Audit telah dijalankan terhadap 67 unit rumah yang telah diserahkan kepada penerima yang terdiri daripada 51 unit rumah bina baru dan 16 unit rumah baik pulih. Daripada jumlah tersebut, 6 unit rumah bina baru pembinaannya tidak mengikut

spesifikasi yang ditetapkan seperti tiada pemasangan siling, tiada longkang, tiada pemasangan tingkap dan sinki seperti contoh di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**. Pemeriksaan mendapati bayaran kerja pembinaan rumah tersebut telah dibayar kepada JAPERUN. **Menurut maklum balas JAPERUN bertarikh 14 Disember 2012, pihaknya telah memaklumkan kepada kontraktor yang terlibat untuk membaiki rumah berkenaan.**

**Gambar 3.1
Siling Tidak Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kesang Jasin
Tarikh: 10 Julai 2012

**Gambar 3.2
Longkang Tidak Dibuat**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Paya Rumput,Sungai Udang
Tarikh: 9 Julai 2012

**Gambar 3.3
Tingkap Sisi Kanan Dan Sinki Tidak Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Simpang Jenuang, Ayer Molek
Tarikh: 5 Julai 2012

**Gambar 3.4
Tingkap Sisi Kanan Dan Sinki Tidak Dipasang**



3.4.2.2. Sebilangan Rumah Yang Dibina Mengalami Kerosakan

- Lawatan Audit terhadap 51 unit rumah bina baru mendapati 5 unit daripadanya mengalami retakan pada dinding. Rumah-rumah ini telah dibina pada tahun 2011 dan 2012. Keadaan rumah adalah seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

Gambar 3.5



Dinding Retak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kesang, Jasin
Tarikh: 10 Julai 2012

Gambar 3.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Bayan, Bukit Katil
Tarikh: 9 Julai 2012

- b. Pembinaan tidak mengikut spesifikasi dan kerosakan rumah yang dibina adalah disebabkan kurang pemantauan oleh JAPERUN dan UPPDPA semasa kerja pembinaan dilaksanakan. Selain itu UPPDPA tidak mempunyai perjawatan teknikal serta tidak memohon kerjasama daripada Jabatan Teknikal untuk membuat pengesahan atau perakuan setelah kerja disiapkan oleh kontraktor bagi memastikan rumah yang dibina dan dibaiki adalah berkualiti serta mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Kesannya, rumah yang didiami kurang selesa dan tidak menjamin keselamatan penghuni. UPPDPA memaklumkan keretakan disebabkan struktur tanah yang tidak kukuh. Selain itu, **maklum balas JAPERUN bertarikh 14 Disember 2012 menjelaskan pihaknya telah mengarahkan kontraktor untuk membaiki kerosakan tersebut.**

Pada pendapat Audit, pemantauan perlu dilakukan oleh UPPDPA dan JAPERUN bagi memastikan pembinaan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mengelakkan berlaku kerosakan.

3.4.3. Rumah Yang Dibina Di Atas Tanah Rezab Kerajaan

Antara syarat permohonan Program ini menghendaki pemohon mempunyai tanah sendiri atau diberi kebenaran oleh pemilik tanah untuk membina rumah. Lawatan Audit mendapati 3 daripada 67 unit rumah telah dibina di atas tanah rezab Kerajaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada kelulusan secara bertulis diberikan oleh pihak yang mengawal selia tanah tersebut iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Melaka. Rumah tersebut dibina pada tahun 2012 dan telah diduduki. Kesannya, boleh menyebabkan penerima bantuan diusir dari kediaman rumah berkenaan sekiranya kelulusan tidak diperolehi. Rumah yang dibina di atas tanah rezab Kerajaan adalah seperti di **Gambar 3.7. Menurut maklum balas JAPERUN DUN Klebang bertarikh 14 Disember 2012, selepas teguran Audit,**

permohonan secara bertulis telah dibuat kepada JPS bagi memohon kebenaran pembinaan rumah di atas tanah rezab kerajaan ini.



**Gambar 3.7
Rumah Yang Dibina Di Atas Tanah
Rezab Kerajaan**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pulau Gadong, Klebang Besar
Tarikh: 6 September 2012

Pada pendapat Audit, pembinaan rumah di atas tanah rezab Kerajaan perlu mendapat kelulusan pihak yang berkenaan terlebih dahulu.

3.4.4. Bantuan 2 Kali Kepada Penerima Yang Sama

3.4.4.1. UPPDPA dan agensi pelaksana Program tidak menetapkan syarat kekerapan permohonan kepada penerima bantuan di bawah Program tersebut. Kadar penerima bantuan yang telah ditetapkan adalah sejumlah RM17,000 bagi setiap rumah bina baru. Manakala kadar bantuan baik pulih rumah adalah tidak melebihi RM11,000.

3.4.4.2. Semakan Audit terhadap senarai penerima bantuan bagi tahun 2009 hingga 2012 mendapati 10 daripada 2,156 pemohon telah diberikan bantuan bina baru dan baik pulih rumah sebanyak 2 kali melibatkan kos sejumlah RM0.19 juta. Temu bual dengan 3 penerima bantuan mengesahkan hanya menerima sekali sahaja bantuan. Semakan lanjut mendapati, 6 baucar bayaran telah diluluskan di atas nama ketiga-tiga penerima bantuan berjumlah RM64,038. Hasil lawatan fizikal mendapati, hanya 3 bayaran projek sejumlah RM30,038 telah dilaksanakan manakala 3 lagi bayaran projek sejumlah RM34,000 yang telah diterima oleh pihak JAPERUN tidak dibelanjakan. Melalui minit Mesyuarat Laporan Audit Berkaitan Pelaksanaan PPRT pada 1 November 2012 menyatakan pemohon di DUN Bemban berkenaan menerima bantuan 2 kali disebabkan rumah pemohon adalah besar dan memerlukan peruntukan tambahan serta mengesahkan 2 peruntukan telah disalurkan kepada JAPERUN Lendu di atas nama penerima bantuan yang sama. Selain itu tiada maklum balas yang diberikan oleh JAPERUN Ayer Molek terhadap pembayaran 2 kali tersebut. Oleh yang demikian, JAPERUN yang berkenaan hendaklah mengembalikan bayaran projek yang tidak dilaksanakan kepada Kerajaan Negeri untuk dimanfaatkan kepada penerima bantuan yang lain. Butiran lanjut mengenai penerima yang mengesahkan menerima bantuan sekali sahaja seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Penerima Bantuan Yang Menerima Bantuan Sekali Sahaja

Bil.	Lokasi	Tahun Kelulusan MMKN	No. Baucar/Tarikh	Status Bantuan		Status Pelaksanaan
				Bina Baru (RM)	Baik Pulih (RM)	
1.	Kampung Tanjung Laboh, Tehel Bemban, Jasin	2009	V0000433/ 25.5.2009	-	8,000	Tidak
		2010	V0000242/ 8.4.2011	-	8,438	Ya
2.	Kampung Baru Lendu, Alor Gajah	2011	V0000885/ 25.8.2011	17,000	-	Tidak
		2012	V0000487/ 14.5.2012	17,000	-	Ya
3.	Lorong Imam Haji Hashim, Balik Bukit Ayer Molek	2009	V0000773/ 24.8.2009	-	9,000	Tidak
		2011	V0000523/ 18.5.2011	-	4,600	Ya

Sumber: Rekod UPPDPA

Pada pendapat Audit, UPPDPA perlu membuat semakan sebelum meluluskan sesuatu permohonan bagi mengelakkan pemohon menerima 2 kali bantuan dan bayaran projek yang tidak dibelanjakan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri.

3.4.5. Penerima Bantuan Berumur 40 Tahun Ke Bawah

3.4.5.1. Antara syarat permohonan Program adalah pemohon mestilah berumur lebih daripada 40 tahun, tidak berkemampuan dari segi pendapatan dan tidak mempunyai pendapatan tetap serta berada di bawah garis kemiskinan.

3.4.5.2. Semakan Audit terhadap data daripada sistem UPPDPA mendapati seramai 302 atau 13.0% daripada 2,314 penerima bantuan berumur bawah 40 tahun dan 49 atau 2.0% daripadanya berumur 30 tahun ke bawah. Semakan Audit selanjutnya mendapati satu kes permohonan di bawah umur 20 tahun juga telah diluluskan. Keadaan ini berlaku disebabkan permohonan tersebut telah mendapat sokongan yang kuat dan kelulusan daripada Yang Berhormat atau JKK kerana pemohon amat memerlukan bantuan seperti mereka yang hilang upaya, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan ibu tunggal. Kesannya pemohon yang tidak memenuhi syarat turut menerima bantuan. **Berdasarkan maklum balas UPPDPA bertarikh 19 Oktober 2012, mulai Julai 2012 pemohon yang berumur bawah 40 tahun akan ditolak kecuali atas sokongan Yang Berhormat Kawasan sekiranya pemohon memang tidak berkemampuan.**

Pada pendapat Audit, pemilihan penerima bantuan rumah pada keseluruhannya adalah memuaskan. Bagaimanapun, kelulusan terhadap permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan perlu disertakan dengan justifikasinya.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi tahap keberkesanan program adalah disyorkan langkah-langkah berikut diambil:

- 3.5.1.** Pemantauan pelaksanaan kerja di peringkat UPPDPA, JAPERUN dan Pejabat Daerah perlu dipertingkatkan untuk menjamin kualiti pembinaan dan baik pulih rumah.
- 3.5.2.** JAPERUN dan UPPDPA perlu memeriksa dengan teliti semua rumah yang dibina dan dibaiki untuk mengenal pasti kerosakan, kecacatan dan kerja tidak mengikut spesifikasi diambil tindakan pambaikan segera sebelum rumah diserahkan kepada penerima bantuan.
- 3.5.3.** UPPDPA perlu memastikan pembinaan rumah di atas tanah rezab Kerajaan mendapat kelulusan pihak yang berkenaan.
- 3.5.4.** UPPDPA perlu memastikan setiap permohonan mematuhi syarat yang ditetapkan supaya hanya pemohon yang layak sahaja menerima bantuan dan tidak ada penerima yang sama menerima kedua-dua bantuan serentak.

PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA

4. PLANETARIUM MELAKA SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Planetarium Melaka Sdn. Bhd. (PMSB) yang dahulunya dikenali sebagai Institut Integriti Melaka Sdn. Bhd. (IIM) ditubuhkan pada 28 Februari 2006 dengan modal dibenarkan berjumlah RM500,000 dan modal berbayar berjumlah RM450,000. PMSB ditukar nama daripada IIM kepada PMSB pada 28 Julai 2009 dan mulai beroperasi pada bulan Ogos 2009. PMSB dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI). PMSB ditubuhkan untuk memberi inspirasi, menggalak dan memberi pendidikan dalam bidang sains angkasa dan astronomi di kalangan pengunjung, disamping memberi kesedaran mengenai kepentingannya di dalam kehidupan manusia sejagat. Aktiviti utamanya adalah perkhidmatan rekreasi dan pelancongan menerusi pameran planetarium di mana pendapatan utamanya adalah dari kutipan jualan tiket, keuntungan daripada penganjuran program dan sewaan premis serta dewan seminar. Objektif penubuhan PMSB adalah seperti berikut:

- a.** Merealisasikan wawasan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Planetarium Melaka sebagai pusat pembelajaran Astronomi dan Sains Angkasa yang berprestij di Malaysia dan rantau Asia.
- b.** Memberi pendidikan kepada orang ramai melalui teknologi yang berkesan dan kaedah pembelajaran yang lebih maju dalam penyampaian pendidikan Sains Angkasa.
- c.** Menarik dan memupuk kesedaran tentang kemajuan Astronomi, Sains Angkasa dan Teknologi di kalangan masyarakat melalui penglibatan dalam program-program anjuran PMSB.
- d.** Memperkenalkan portfolio kualiti perkhidmatan PMSB ke serata dunia melalui pandangan pengunjung.
- e.** Menjalin kerjasama dengan pelbagai organisasi untuk memastikan PMSB terus menjadi pusat pembelajaran melalui kaedah pembelajaran yang terbaik.

4.1.2. Sehingga bulan Mac 2012, PMSB dianggotai 15 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Ketua Menteri Melaka sebagai Pengurus, seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai Timbalan Pengurus dan 13 orang ahli biasa. Pengurusan PMSB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 12 orang kakitangan dari kumpulan sokongan. Pengurusan PMSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965,

Tatacara Syarikat/Undang-undang Tubuh syarikat, Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan PMSB memuaskan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2009 hingga bulan Mac 2012. Analisis maklumat kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal aset. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai PMSB juga turut dijalankan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan dari bulan April hingga Jun 2012 mendapati PMSB memperoleh keuntungan bersih bagi tahun 2009 dan 2011 masing-masing sejumlah RM578 dan RM175,200 manakala bagi tahun 2010 mengalami kerugian sejumlah RM136,139. Secara keseluruhannya prestasi kewangan PMSB adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian pada tahun 2010 sementara keuntungan pada tahun 2011 adalah kerana bantuan kewangan yang diperolehi daripada CMI sejumlah RM378,036. Keuntungan terkumpul PMSB pada akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM26,557. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat seperti berikut:

- Sasaran bilangan pengunjung tidak ditetapkan dan sasaran kutipan tiket tidak tercapai.
- Sistem kutipan tiket tidak berfungsi dan kutipan tiket tidak dikawal.
- Penyerahan pengurusan bangunan Planetarium kepada PMSB tidak dibuat.
- Projektor dan peralatan pameran tidak disenggara manakala 2 daripada 10 CCTV tidak berfungsi dan kehilangan aset tidak dilaporkan.
- Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam belum ditubuhkan.
- Tiada *Standard Operating Procedures*.
- Kebergantungan kepada syarikat induk.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend

- a. PMSB mengalami kerugian bersih selepas cukai pada tahun 2010 sejumlah RM136,139 dan keuntungan bersih selepas cukai pada tahun 2009 dan 2011 masing-masing berjumlah RM578 dan RM175,200.
- b. Keuntungan pada tahun 2011 diperoleh daripada hasil kutipan tiket, jualan cenderamata, *event*, sewaan dan juga *Fan Club* berjumlah RM369,493. PMSB juga telah menerima bantuan kewangan (pemberian) daripada CMI berjumlah RM378,036. Keuntungan yang diperoleh pada tahun tersebut adalah disebabkan PMSB mengambil kira bantuan kewangan daripada CMI sebagai lain-lain pendapatan. Kerugian bersih selepas cukai PMSB bagi tahun 2010 sejumlah RM136,139 adalah disebabkan peningkatan terhadap perbelanjaan pentadbiran dan operasi syarikat sejumlah RM562,907 berbanding pada tahun 2009 sejumlah RM401,345.
- c. Pendapatan PMSB terdiri daripada 2 komponen iaitu pendapatan utama dan pendapatan lain. Pendapatan utama PMSB adalah terdiri daripada hasil jualan tiket pameran, keuntungan daripada *event* yang dianjurkan, sewaan, jualan cenderamata dan *Fan Club*. Manakala pendapatan lain pula terdiri daripada penerimaan bantuan kewangan/sumbangan, diskauan diterima, tuntutan insurans dan komisyen diterima. Pendapatan utama telah menurun daripada RM674,368 pada tahun 2009 kepada RM657,557 pada tahun 2010 dan seterusnya kepada RM369,493 pada tahun 2011. Secara keseluruhannya, prestasi pendapatan utama PMSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah kurang memuaskan kerana pendapatan semakin menurun pada setiap tahun. Penurunan pendapatan PMSB ini adalah disebabkan kutipan tiket yang kurang memuaskan kerana PMSB tidak dapat menganjurkan *event* yang lebih besar kerana mempunyaikekangan dari segi kewangan.
- d. Analisis Audit mendapati perbelanjaan PMSB terdiri daripada kos *event*, kos sewaan, kos penjualan tiket dan kos perbelanjaan pentadbiran dan operasi syarikat. Hasil analisis menunjukkan perbelanjaan pentadbiran dan operasi telah meningkat daripada RM401,345 pada tahun 2009 kepada RM562,907 pada tahun 2010 dan seterusnya kepada RM578,493 pada tahun 2011. Jumlah perbelanjaan keseluruhan pula meningkat daripada RM669,528 pada tahun 2009 kepada RM842,492 pada tahun 2010 dan seterusnya menurun pada tahun 2011 kepada RM602,980. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah berjumlah RM172,964 yang terdiri daripada peningkatan perbelanjaan dalam kos pendapatan sejumlah RM11,402 dan perbelanjaan pentadbiran dan operasi sejumlah RM161,562.

- e. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung/(rugi) bersih PMSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.1**.


Jadual 4.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta
Untung/(Rugi) Bersih PMSB Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan Utama	674,368	657,557	369,493
Lain-Lain Pendapatan	0	45,500	408,687
Jumlah Pendapatan	674,368	703,057	778,180
Kos Pendapatan	268,183	279,585	24,487
Perbelanjaan Pentadbiran Dan Operasi	401,345	562,907	578,493
Jumlah Perbelanjaan	669,528	842,492	602,980
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	4,840	-139,435	175,200
Cukai	4,262	3,296	0
Untung /-(Rugi) Bersih	578	-136,139	175,200
Untung/(Rugi) Terkumpul	-12,504	-148,643	26,557

Sumber: Penyata Kewangan PMSB

- f. Trend pendapatan, perbelanjaan dan untung/(rugi) bersih PMSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Carta 4.1**.

Carta 4.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung/(Rugi) Bersih PMSB
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan PMSB

Nota: Untung Bersih Bagi Tahun 2009 adalah sejumlah RM578

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PMSB, beberapa nisbah kewangan telah dianalisis berdasarkan Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan PMSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Ringkasan Analisis Nisbah Kewangan PMSB
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun		
		2009	2010	2011
1.	Nisbah Semasa	3.83:1	1.47:1	2.19:1
2.	Margin Untung Bersih	0.1%	-19.4%	22.5%
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	*0.00:1	-0.26:1	0.24:1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	*0.00:1	-0.30:1	0.39:1

Sumber: Penyata Kewangan PMSB

*Nota: Nisbah Pulangan Ke Atas Aset Dan Ekuiti Bagi Tahun 2009 adalah sejumlah RM0.001

a. Nisbah Semasa

Mengikut analisis Audit, nisbah semasa PMSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 menunjukkan penurunan dari RM3.83 ke RM2.19. Penurunan yang ketara pada tahun 2010 disebabkan oleh tanggungan liabiliti semasa PMSB yang tinggi iaitu RM228,096. Pada keseluruhannya kedudukan nisbah semasa PMSB adalah baik bagi tahun 2009 dan 2011 kecuali pada tahun 2010 kerana nisbah semasa adalah kurang daripada kadar 2:1. Keadaan ini menunjukkan kedudukan kewangan PMSB memuaskan kerana berkeupayaan melunaskan liabiliti pada masa yang ditetapkan.

b. Margin Untung Bersih

Analisis Audit mendapati PMSB memperoleh margin keuntungan yang sangat kecil iaitu 0.001 sen (0.1%) pada tahun 2009 manakala bagi tahun 2010 mengalami margin keuntungan negatif 19 sen (19.4%) dan pada tahun 2011 berlaku peningkatan ke atas margin keuntungan iaitu 22 sen (22.5%). Keuntungan yang meningkat pada tahun 2011 adalah disebabkan peningkatan pendapatan hasil bantuan kewangan daripada CMI berjumlah RM378,036.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Analisis Audit mendapati pada tahun 2009 dan 2011, PMSB mendapat peningkatan pulangan ke atas aset kepada 24 sen. Manakala bagi tahun 2010, mengalami nisbah pulangan ke atas aset negatif 26 sen. Pada tahun 2009 pulangan ke atas aset adalah sangat kecil kerana memperoleh keuntungan yang sangat minimum iaitu sejumlah RM578 dan pada tahun 2010 pula pulangan ke atas aset mengalami defisit disebabkan PMSB mengalami kerugian sejumlah RM136,139. Bagi tahun 2011 pulangan ke atas aset meningkat disebabkan keuntungan sejumlah RM175, 200.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Analisis Audit mendapati pada tahun 2009 dan 2011, PMSB mendapat peningkatan pulangan ke atas ekuiti kepada 39 sen. Manakala bagi tahun 2010, mengalami

nisbah pulangan ke atas ekuiti negatif 30 sen. Peningkatan pada tahun 2011 adalah disebabkan keuntungan sejumlah RM175,200 berbanding kerugian pada tahun 2010 sejumlah RM136,139. Bagi tahun 2009 pulangan ke atas ekuiti adalah kecil disebabkan keuntungan selepas cukai yang minimum sejumlah RM578.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan PMSB adalah kurang memuaskan. PMSB telah mengalami kerugian pada tahun 2010 sementara keuntungan pada tahun 2011 adalah disebabkan penerimaan bantuan kewangan daripada CMI.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan Syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Aktiviti utama Syarikat adalah perkhidmatan rekreasi dan pelancongan menerusi pameran planetarium. Pendapatan utama PMSB adalah daripada kutipan jualan tiket, keuntungan penganjuran program dan sewaan premis serta dewan seminar.

4.4.2.1. Sasaran Bilangan Pengunjung Tidak Ditetapkan Dan Sasaran Kutipan Tiket Tidak Tercapai


- a. Semakan Audit mendapati PMSB belum menetapkan sasaran bilangan pengunjung untuk meningkatkan pendapatan PMSB. Bagaimanapun, Mesyuarat Lembaga Pengarah PMSB pada bulan Oktober 2010 memutuskan pihak pengurusan dikehendaki mengkaji kaedah promosi bagi menarik lebih ramai pengunjung ke Planetarium. Bilangan pengunjung bagi tempoh bulan Ogos 2009 hingga Mac 2012 adalah seramai 161,382 orang di mana kategori pelajar adalah merupakan pengunjung terbesar iaitu seramai 70,980 orang atau 44.0%.
- b. Semakan Audit juga mendapati Mesyuarat Lembaga Pengarah PMSB telah menyasarkan kutipan tiket adalah RM5,000 sehari. Analisis Audit mendapati PMSB gagal mencapai sasaran yang ditetapkan kerana purata kutipan tiket sehari diperoleh hanya antara RM456 hingga RM1,850 berbanding sasaran. Punca utama sasaran kutipan tiket tidak tercapai adalah disebabkan kurang promosi oleh PMSB di mana promosi bagi tahun 2012 masih belum dilaksanakan kerana kekangan kewangan manakala bagi tahun 2011 hanya sejumlah RM7,810 dibelanjakan bagi tujuan promosi.

4.4.2.2. Sistem Kutipan Tiket Tidak Berfungsi Dan Kutipan Tiket Tidak Dikawal

- a. Pada bulan Ogos 2009, PMSB telah membeli Sistem Pengeluaran Tiket Berkomputer dengan kos sejumlah RM70,000 meliputi perisian dan perkakasan sistem pengeluaran tiket serta perkhidmatan profesional. Dua orang pegawai khidmat

pelanggan telah ditugaskan di kaunter sebagai juruwang, telefonis, mengurus jualan cenderahati di Kiosk Aero Angkasa, menyediakan rekod kutipan harian dan serahan hasil jualan kepada Unit Akaun. Semakan Audit mendapati:

- i. Kontrak penyenggaraan antara pembekal dan PMSB belum disediakan bagi menyenggara sistem pengeluaran tiket setelah tempoh waranti tamat pada bulan Ogos 2010. Pihak Audit mendapati sistem gagal mengeluarkan tiket berkomputer kepada pengunjung mulai 31 Disember 2011. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi bulan Januari 2012 sistem hanya dapat berfungsi sepenuhnya selama 5 hari manakala bulan Februari 2012 hanya 11 hari. Ini disebabkan sistem tidak disenggara setelah tamat tempoh waranti. Sebagai alternatif, resit manual digunakan apabila sistem gagal berfungsi.
- ii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggara bagi mengawal penerimaan dan pengeluaran buku resit manual. Pemeriksaan Audit pada bulan April 2012 mendapati semua stok 9 buku resit manual yang belum digunakan disimpan dalam laci kaunter di kawasan yang terbuka dan mudah diakses oleh sesiapa seperti di **Gambar 4.1**.



**Gambar 4.1
Stok Resit Disimpan Dalam Laci
Kaunter**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kaunter PMSB
Tarikh: 18 April 2012

- iii. Laporan Kutipan Harian Tiket yang disediakan oleh Pegawai Khidmat Pelanggan secara manual ataupun berkomputer tidak disemak oleh Bahagian Akaun. Selain itu, tiada surat kuasa memungut hasil secara bertulis dikeluarkan menyebabkan semua kakitangan boleh menjadi *cashier*.

- b. **Menurut maklum balas PMSB bertarikh 27 Ogos 2012, PMSB dalam perancangan mendapatkan perisian sistem *post cashier* yang baru, mudah disenggara dan perisian transaksi lebih terperinci. PMSB juga memaklumkan mengalami kekurangan kakitangan.**

4.4.2.3. Bangunan Dan Peralatan Pameran

a. Penyerahan Pengurusan Planetarium Kepada PMSB Tidak Dibuat

- i. Kerajaan Negeri telah membina Planetarium berjumlah RM19.99 juta meliputi kos pembinaan termasuk peralatan pameran berteknologi tinggi berjumlah RM15.16 juta dan kos membekal dan memasang projektor serta dom berjumlah RM4.83 juta. Pembinaan Planetarium dan bekalan peralatan pameran serta pemasangan projektor dan dom telah siap dilaksanakan pada bulan Julai 2009. Semakan Audit mendapati PMSB telah mula menguruskan Planetarium pada bulan Ogos 2009. Bagaimanapun, tiada dokumen rasmi berkaitan penyerahan pengurusan Planetarium kepada PMSB. Selain itu, semakan Audit juga mendapati tiada dokumen rasmi berkaitan penyerahan pemilikan bangunan dan peralatan pameran Planetarium. Oleh itu, semua peralatan pameran tidak daftarkan dan pihak yang bertanggungjawab terhadap kerja penyenggaraan dan keselamatan bangunan serta peralatan pameran tidak dapat dikenal pasti. Antara peralatan pameran yang tidak direkodkan adalah seperti di **Gambar 4.2** hingga **Gambar 4.6**.

Gambar 4.2
Jam Matahari Kuadran Khatulistiwa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 1, PMSB
Tarikh: 23 Mei 2012

Gambar 4.3
Hubble Teleskop Angkasa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 1, PMSB
Tarikh: 23 Mei 2012

Gambar 4.4
Jam Matahari Escorial Diptych



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 1, PMSB
Tarikh: 23 Mei 2012

Gambar 4.5
Loyang Octagonal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 1, PMSB
Tarikh: 23 Mei 2012



Gambar 4.6
Jam Matahari Ekuinoks Augsburg

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 1, PMSB
Tarikh: 23 Mei 2012

- ii. **Menurut maklum balas PMSB bertarikh 27 Ogos 2012, PMSB dalam tindakan mengemaskini Daftar Aset dan Inventori. Maklum balas exit conference bertarikh 12 Oktober 2012 pula menjelaskan status pemilikan bangunan dan peralatan akan dibincang dengan Kerajaan Negeri.**

b. Projektor Dan Peralatan Pameran Tidak Disenggara

- i. Penyenggaraan peralatan pameran perlu dilakukan bagi memastikan ianya berfungsi dengan lancar secara berterusan, selamat digunakan, mengurangkan kerosakan dan menjimatkan perbelanjaan. Semakan Audit mendapati projektor di dom dan peralatan pameran tidak disenggara selepas tamat tempoh kecacatan masing-masing pada Julai 2010 dan Julai 2011. Ini menyebabkan tayangan di skrin tidak dapat dipancarkan. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan penyenggaraan dibuat kerana tiada sebarang rekod penyenggaraan disediakan dan penyenggaraan hanya dibuat apabila berlaku kerosakan.


- ii. Semakan Audit juga menunjukkan kerja-kerja penyenggaraan tidak dilaksanakan disebabkan bajet tahunan tidak disediakan bagi maksud perbelanjaan penyenggaraan bangunan dan peralatan pameran bagi tahun 2009 hingga 2011. Manakala bajet bagi tahun 2012 ada disediakan dengan peruntukan belanja penyenggaraan berjumlah RM0.38 juta tetapi belum dibentangkan untuk kelulusan Ahli Lembaga Pengarah.
- iii. Selain itu, PMSB juga bergantung kepada CMI bagi memperoleh peruntukan penyenggaraan. Ini menyebabkan kerja penyenggaraan lewat dilakukan. Kesannya, peralatan yang tidak berfungsi tidak dapat digunakan oleh pengunjung dan seterusnya boleh menjelaskan hasil kutipan tiket. Sehingga bulan Mei 2012, PMSB telah memohon peruntukan penyenggaraan berjumlah RM0.08 juta bagi kerosakan peralatan yang berlaku antara bulan Disember 2011 hingga April 2012 seperti projektor, model kapal angkasa *Soyuz* dan *Challenger*. Projektor dan peralatan pameran yang mengalami kerosakan dan tidak berfungsi kerana tidak disenggara adalah seperti di **Gambar 4.7** hingga **Gambar 4.10**.

Gambar 4.7
Skrin Tidak Dapat Dipancarkan Kerana Projektor Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruang Galaksi Aras 1, PMSB
Tarikh: 23 Mei 2012

Gambar 4.8
Skrin Tidak Dapat Dipancarkan Kerana Projektor Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruang *Man In Space*, Aras 1 PMSB
Tarikh: 23 Mei 2012

Gambar 4.9
Model Kapal Angkasa Soyuz Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 1, PMSB
Tarikh: 23 Mei 2012

Gambar 4.10
Model Kapal Angkasa Challenger Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 1, PMSB
Tarikh: 23 Mei 2012

c. Keselamatan Bangunan Dan Peralatan Pameran

Bangunan Planetarium dilengkapi dengan bilik kawalan utama yang menempatkan sistem kamera litar tertutup (CCTV) dan sistem kawalan kebakaran dengan pengawasan pengawal keselamatan. Keseluruhan bangunan dilengkapi dengan 10 unit CCTV. Mulai bulan Julai 2011, segala kos penyenggaraan bangunan adalah di bawah tanggungan pemilik bangunan.

i. Peralatan CCTV Tidak Berfungsi

Lawatan Audit pada bulan Mei 2012 mendapati 2 daripada 10 unit CCTV seperti di **Gambar 4.11** tidak berfungsi sejak Mac 2012 dan sehingga tarikh lawatan tindakan pembaikan masih belum diambil.




Gambar 4.11
2 Peralatan CCTV Tidak Berfungsi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Kawalan Utama
Tarikh: 23 Mei 2012

ii. Kehilangan Aset Tidak Dilaporkan

Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2010 lensa teleskop yang bernilai RM1,400 telah hilang. Bagaimanapun tiada laporan polis dibuat dan tiada perlindungan insurans bagi membolehkan sebarang tuntutan ganti rugi. Sehingga Mei 2012 lensa teleskop masih belum diganti menyebabkan teleskop tidak berfungsi seperti di **Gambar 4.12**.



Gambar 4.12
Teleskop Tanpa Lensa

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras 1, PMSB
Tarikh: 23 Mei 2012

- iii. **Menurut maklum balas PMSB bertarikh 27 Ogos 2012, kerosakan CCTV telah dilaporkan kepada kontraktor bagaimanapun kontraktor lewat mengambil tindakan. Oleh itu, PMSB mengambil inisiatif mendapatkan kontraktor lain tetapi dinasihatkan supaya merujuk kepada kontraktor asal atas dasar keselamatan dan jaminan penggunaan sistem CCTV tersebut.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti PMSB adalah tidak memuaskan kerana sasaran bilangan pengunjung tidak ditetapkan, sasaran kutipan tiket tidak tercapai, sistem kutipan tiket tidak berfungsi sepenuhnya, penyerahan pengurusan Planetarium kepada PMSB tidak dibuat secara rasmi/bertulis serta tiada dokumen rasmi berkaitan pemilikan bangunan dan peralatan pameran Planetarium bagi mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap kerja penyenggaraan serta projektor dan peralatan pameran tidak disenggara. Selain itu terdapat peralatan CCTV yang tidak berfungsi dan berlaku kehilangan aset.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal Syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan Syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik akan dapat membantu Syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi Syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Bagi mempertingkatkan tadbir urus dalam sektor awam, Ketua

Setiausaha Negara telah mengedarkan satu Garis Panduan Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam kepada semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri untuk diperaktikkan dan garis panduan ini perlu diterima pakai oleh Syarikat Kerajaan.

4.4.3.1. Ahli Lembaga Pengarah (ALP)

Peraturan dan panduan berkaitan pelantikan, kuasa, peranan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah diperuntukkan dalam Akta Syarikat 1965, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia Tahun 2000 oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :

a. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

Mengikut Artikel Penubuhan PMSB, bilangan ALP hendaklah tidak kurang daripada 2 orang dan tidak melebihi 15 orang. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Mac 2012, PMSB dianggotai oleh 15 orang ALP yang terdiri daripada Ketua Menteri Melaka sebagai Pengerusi, seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai Timbalan Pengerusi dan 13 orang ahli biasa. Pelantikan ALP dibuat di peringkat Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka.

b. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah

Menurut Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, ALP digalakkan kerap bermesyuarat dan merekodkan dengan lengkap segala isu yang dibincangkan dalam membuat keputusan supaya ia boleh dirujuk semula bagi memahami keputusan yang telah diambil. Selain itu, mesyuarat ini juga merupakan satu mekanisme pemantauan operasi sesebuah syarikat di peringkat Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati mesyuarat ALP telah diadakan sebanyak 5 kali bagi tahun 2010, 8 kali bagi tahun 2011 dan sehingga bulan Mac 2012 sebanyak 3 kali mesyuarat telah diadakan.

4.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan setiap syarikat Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan syarikat agar kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara. Semakan Audit mendapati PMSB belum menubuhkan Jawatankuasa Audit sepertimana yang ditetapkan dalam pekeliling.

4.4.3.3. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menyatakan, objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesaan semua proses kawalan dan tadbir urus. Para 3 Pekeliling ini juga menyatakan fungsi audit dalam hendaklah dijalankan oleh Unit Audit Dalam yang ditubuhkan di Kementerian berkenaan bagi Jabatan yang tidak mempunyai Unit Audit Dalam. Selaras dengan Pekeliling ini di mana syarikat belum menubuhkan Unit Audit Dalam, fungsi Audit Dalam Syarikat hendaklah dijalankan oleh Unit Audit Dalam di peringkat Induk. Semakan Audit mendapati PMSB tidak menubuhkan Unit Audit Dalam dan pengurusan PMSB juga belum pernah diaudit oleh mana-mana juruaudit termasuk dari Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Awam (BADSA), Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.

4.4.3.4. Standard Operating Procedures (SOP)

SOP yang lengkap dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia merupakan bahan rujukan pegawai dalam melaksanakan tugas sehari-hari. Ia juga merupakan tatacara atau peraturan yang harus dilalui dalam menyelesaikan sesuatu kerja/proses seperti prosedur kewangan, prosedur dalam aktiviti yang dilaksanakan dan lain-lain prosedur berkaitan. SOP yang berkesan mampu mempertingkatkan lagi produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati PMSB tidak mempunyai SOP sebagai manual operasi atau rujukan utama yang menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan olehnya.

4.4.3.5. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat kerajaan. Syarikat Kerajaan dikehendaki membayar dividen kepada kerajaan sebagai pemegang saham sekurang-kurangnya 10% daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapati PMSB tidak membayar dividen kepada CMI sebagai pemegang sahamnya. Berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 hingga 2011, PMSB hanya memperoleh keuntungan kecil sejumlah RM578 bagi tahun 2009 dan sejumlah RM175,200 bagi tahun 2011. Bagaimanapun, keuntungan pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh bantuan kewangan daripada CMI. Bagi tahun 2010 pula PMSB mengalami kerugian berjumlah RM136,139. **Menurut maklum balas PMSB bertarikh 27 Ogos 2012, pembayaran dividen akan dibuat kepada CMI sekiranya PMSB memperoleh keuntungan pada masa akan datang.**

4.4.3.6. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan pembayaran bonus kepada pegawai yang berkhidmat di Syarikat Kerajaan boleh dilaksanakan apabila Syarikat memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Perenggan 4 Pekeliling ini juga menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri adalah diminta mematuhi Pekeliling ini selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-Menteri Besar Dan Ketua-Ketua Menteri Ke 69 pada 10 Jun 1993. Bagi Syarikat-Syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati pembayaran bonus kepada kakitangan PMSB tidak dibuat disebabkan syarikat mempunyai masalah kewangan selain bebanan hutang yang semakin bertambah.

4.4.3.7. Kebergantungan Kepada Syarikat Induk

- Pendapatan PMSB yang semakin berkurangan dari tahun 2009 hingga 2011 menyebabkan PMSB terpaksa mendapatkan bantuan kewangan bagi menampung kos perbelanjaan dan operasi.
- Semakan Audit mendapati terdapat beberapa perbelanjaan operasi PMSB telah dibayarkan oleh CMI seperti belanja utiliti, insurans bangunan dan penyenggaraan alat pemadam api berjumlah RM55,128 pada tahun 2010 dan RM145,905 pada tahun 2011. Semakan Audit juga mendapati CMI telah meluluskan bantuan kewangan sejumlah RM40,000 pada tahun 2010 dan RM378,036 pada tahun 2011 bagi membiayai lain-lain perbelanjaan PMSB seperti pembelian mentol projektor, emolumen dan bayaran kepada pelbagai pemutang. Bagaimanapun, pada tahun 2011 PMSB hanya menerima sejumlah RM118,036 manakala baki sejumlah RM260,000 diterima pada tahun 2012. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Perbelanjaan PMSB Yang Dibayar Oleh CMI Dan Bantuan Kewangan Daripada CMI Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Bil	Butiran Perbelanjaan	Jumlah (RM)		Catatan
		Tahun 2010	Tahun 2011	
1.	Utiliti	55,128	133,199	Perbelanjaan PMSB Yang Dibayar Oleh CMI
2.	Insurans Bangunan	0	12,171	
3.	Penyenggaraan Alat Pemadam Api	0	535	
4.	Lain-Lain Perbelanjaan	40,000	378,036	Bantuan Kewangan
Jumlah		95,128	523,941	

Sumber: Rekod Kewangan CMI

- c. Menurut maklum balas PMSB bertarikh 27 Ogos 2012, PMSB berusaha untuk meningkatkan pendapatan. Bagaimanapun, bantuan kewangan daripada CMI masih diperlukan kerana kos penyenggaraan peralatan yang tinggi hingga menyebabkan kekangan untuk menguruskan program dan promosi.

Pada pendapat Audit, beberapa perkara asas dalam Tadbir Urus Korporat PMSB adalah kurang memuaskan seperti tiada penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam, tiada SOP dan pembayaran dividen. Selain itu, PMSB bergantung kepada bantuan kewangan daripada CMI bagi membiayai beberapa perbelanjaan operasinya.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam pengurusannya, PMSB adalah disyorkan supaya memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 4.5.1. Berusaha meningkatkan pendapatan dan mengurangkan perbelanjaannya dengan menyediakan pelan perniagaan dan menetapkan sasaran bilangan pengunjung dan memastikan sasaran jualan tiket tercapai serta tidak bergantung kepada bantuan kewangan daripada CMI.
- 4.5.2. Memastikan penyerahan pengurusan Planetarium kepada PMSB dibuat secara bertulis, status pemilikan bangunan dan peralatan pameran ditetapkan supaya tanggungjawab penyenggaraan dapat dilaksanakan dengan baik dan memastikan peralatan CCTV berfungsi dengan baik untuk menjamin keselamatan aset dan pengunjung.
- 4.5.3. Mengamalkan tadbir urus korporat Syarikat dengan menjadikan pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan Negeri Melaka.
- 4.5.4. Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu diwujudkan supaya pengurusan dan operasi aktiviti PMSB dapat dipantau atau sebaliknya PMSB perlu meminta bantuan Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Awam (BADSA), Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka untuk membuat pengauditan terhadap pengurusan PMSB.

YAYASAN MELAKA

5. YM MEDISCIENCE SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. YM Mediscience Sdn. Bhd. (MiCoST) juga dikenali sebagai Kolej Sains dan Teknologi Antarabangsa Melaka telah ditubuhkan pada 27 April 2005. MiCoST merupakan syarikat milik penuh Yayasan Melaka dengan modal dibenarkan berjumlah RM5 juta manakala modal berbayar sejumlah RM2.50 juta. Tujuan penubuhan MiCoST adalah untuk membangunkan kurikulum program pengajian sains, teknologi dan pengurusan yang terkini, melengkapkan prasarana yang menyokong sistem pembelajaran serta mempunyai tenaga pengajar yang berilmu, berpengalaman dan dapat menghasilkan graduan yang berkualiti. Sehingga bulan Julai 2012, sebanyak 8 program pengajian telah dirancang. Bagaimanapun hanya 6 program telah membuat pengambilan pelajar manakala 2 program belum ditawarkan.

5.1.2. Pada tahun 2012, MiCoST dianggotai oleh 6 Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh mantan Ahli Dewan Undangan Negeri dan 5 Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengurus Besar Yayasan Melaka dan ahli akademik. Pengurusan MiCoST diketuai oleh Ketua Eksekutif dan dibantu oleh 37 orang kakitangan. Pengurusan MiCoST adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Tatacara Syarikat/Undang-undang Tubuh syarikat, Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan MiCoST memuaskan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2010 hingga 2012. Analisis maklumat kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, fail, minit mesyuarat dan rekod yang berkaitan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai MiCoST, pemeriksaan fizikal terhadap aset

dan prasarana juga dijalankan. Borang soal selidik juga telah diedarkan kepada pelajar bagi mendapatkan maklum balas.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Julai 2012 mendapati pengurusan MiCoST adalah memuaskan. MiCoST memperoleh keuntungan bersih 3 tahun berturut-turut iaitu bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2011, MiCoST masih mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM1.66 juta. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Pengambilan sebenar pelajar hanya mencapai 74.2% daripada sasaran yang ditetapkan.
- Kampus MiCoST di Bangunan Rumah Media Melaka tidak disenggara.
- Surat perjanjian bagi penyewaan perkhidmatan pengangkutan bagi membawa pelajar masih belum disediakan.
- Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan belum ditubuhkan.

5.4.1. Prestasi Kewangan

5.4.1.1. Analisis Trend

- a. Secara keseluruhan prestasi kewangan MiCoST bagi tahun 2009 hingga 2011 mencatatkan keuntungan masing-masing berjumlah RM65,009, RM4,387 dan RM3,304. Untung sebelum cukai yang diperoleh pada setiap tahun telah berjaya mengurangkan kerugian terkumpul MiCoST kepada RM1.66 juta pada tahun 2011 berbanding RM1.67 juta pada tahun 2009.
- b. Pendapatan utama MiCoST terdiri daripada yuran pelajar, peperiksaan, penginapan, pendaftaran, subsidi kolej bersekutu dan jualan pakaian makmal. Pendapatan MiCoST bagi tahun 2009 hingga 2011 masing-masing berjumlah RM1.87 juta, RM1.81 juta dan RM2.02 juta. Penurunan pendapatan pada tahun 2010 berjumlah RM0.07 juta (3.6%) disebabkan pengurangan subsidi kolej bersekutu Universiti Teknologi Mara (UiTM). Manakala peningkatan pada tahun 2011 sejumlah RM0.21 juta (11.6%) adalah kerana pertambahan bilangan pelajar.
- c. Analisis Audit mendapati perbelanjaan operasi menunjukkan penurunan 2 tahun berturut-turut iaitu daripada RM0.81 juta pada tahun 2009 kepada RM0.60 juta pada tahun 2010 dan RM0.57 juta pada tahun 2011. Ini disebabkan bayaran kepada

pegawai Farmasi yang menyelia pelajar praktikal di hospital Kerajaan telah diberhentikan selaras dengan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia.


- d. Perbelanjaan am dan pentadbiran pada tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah masing-masing berjumlah RM1 juta, RM1.21 juta dan RM1.48 juta. Peningkatan perbelanjaan ini disebabkan kenaikan gaji kakitangan, elaun Ahli Lembaga Pengarah MiCoST dan belanja utiliti.
- e. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung sebelum cukai MiCoST bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.1** dan **Carta 5.1**.

Jadual 5.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Sebelum Cukai MiCoST
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan Utama	1,873,245	1,806,550	2,016,978
Lain-lain Pendapatan	6,033	8,597	40,826
Jumlah Pendapatan	1,879,278	1,815,147	2,057,804
Perbelanjaan Operasi	810,714	602,741	573,475
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	1,003,555	1,208,019	1,480,028
Kos Kewangan	0	0	997
Jumlah Perbelanjaan	1,814,269	1,810,760	2,054,500
Untung Sebelum Cukai	65,009	4,387	3,304
Cukai	0	0	0
Untung Bersih	65,009	4,387	3,304
Kerugian Terkumpul	-1,670,201	-1,665,814	-1,662,510

Sumber: Penyata Kewangan MiCoST

Carta 5.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Sebelum Cukai Bagi
Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan MiCoST

5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan MiCoST, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan MiCoST bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2

Analisis Nisbah Kewangan MiCoST Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2009	2010	2011
1.	Nisbah Semasa	1.02: 1	1.96: 1	1.70: 1
2.	Margin Untung Bersih	3.5%	0.2%	0.2%
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.04: 1	0.003: 1	0.002: 1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.07: 1	0.004: 1	0.001: 1

Sumber: Penyata Kewangan MiCoST

a. Nisbah Semasa

Mengikut analisis Audit, nisbah semasa MiCoST bagi tahun kewangan 2010 dan 2011 menunjukkan penurunan dari RM1.96 kepada RM1.70. Penurunan pada tahun 2011 adalah kerana tanggungan liabiliti semasa MiCoST yang meningkat iaitu daripada RM225,382 kepada RM519,571. Pada keseluruhannya kedudukan nisbah semasa MiCoST adalah memuaskan bagi tahun 2009 dan 2011 kerana nisbah semasa adalah kurang daripada kadar 2:1.

b. Margin Untung Bersih

Analisis Audit mendapati MiCoST memperoleh keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut daripada tahun 2009 hingga 2011. Pada tahun 2009, bagi setiap RM1.00 hasil jualan, margin keuntungan yang diperoleh adalah 0.035 sen (3.5%), manakala pada tahun 2010 dan 2011, margin keuntungan menurun kepada 0.002 sen (0.2%). Penurunan margin keuntungan adalah disebabkan peningkatan kos operasi dan pentadbiran sejumlah RM272,009.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Analisis Audit mendapati pada tahun 2009, 2010 dan 2011, MiCoST mendapat pulangan ke atas aset masing-masing sejumlah 0.04 sen, 0.003 sen dan 0.002 sen. Penurunan ini adalah disebabkan jumlah perbelanjaan yang semakin meningkat iaitu RM1.81 juta pada tahun 2010 kepada RM2.05 juta pada tahun 2011.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Analisis Audit mendapati pada tahun 2009, 2010 dan 2011, MiCoST mendapat pulangan ke atas ekuiti masing-masing sejumlah 0.07 sen, 0.004 sen dan 0.001 sen. Penurunan ini adalah disebabkan keuntungan yang semakin menurun iaitu RM65,009 pada tahun 2009 kepada RM4,387 pada tahun 2010 dan RM3,304 pada tahun 2011. Selain itu penurunan pada tahun 2011 juga disebabkan oleh pertambahan ekuiti sebanyak RM1.5 juta.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan MiCoST adalah memuaskan dengan mencatatkan keuntungan semasa 3 tahun berturut-turut. Bagaimanapun keuntungan semasa yang kecil tidak memberi kesan yang ketara kepada pengurangan kerugian terkumpul MiCoST yang mencecah RM1.66 juta.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti


Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Aktiviti utama MiCoST ialah menguruskan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dengan menawarkan kesemua program pengajian di peringkat diploma. MiCoST mula menawarkan program yang pertama di peringkat diploma dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam bidang farmasi pada November 2006. Pada tahun 2011 pula, 4 program dalaman MiCoST mula ditawarkan iaitu Diploma Farmasi, Diploma Pengurusan Perniagaan, Diploma Pengurusan Sumber Manusia dan Diploma Pengurusan Pejabat. Pada tahun 2012 Diploma Perakaunan mula ditawarkan. Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti MiCoST adalah memuaskan seperti prestasi pengambilan pelajar yang semakin meningkat dan peratus kelulusan pelajar adalah baik. Bagaimanapun tahap pengurusan terhadap beberapa perkara masih perlu diberi perhatian sewajarnya.

5.4.2.1. Sasaran Pengambilan Pelajar Tidak Tercapai

- a. Kekuatan dan keteguhan sesebuah IPTS bergantung kepada jumlah pelajar. Peningkatan enrolmen pelajar menjamin sumber pendapatan bagi membayar kos operasi syarikat. Pada Jun 2012, MiCoST menyasarkan pengambilan seramai 705 pelajar bagi 8 program pengajian yang dirancang. Semakan Audit mendapati sehingga Julai 2012, bilangan pengambilan pelajar adalah 523 orang atau 74.2% berbanding sasaran yang ditetapkan. Ini disebabkan Program Sijil Asasi Sains tidak mendapat sambutan manakala Program Diploma Pentadbiran Awam tidak ditawarkan kerana masih belum mendapat kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Bagaimanapun, bilangan pengambilan pelajar sentiasa meningkat iaitu daripada 27 pelajar pada tahun 2010 kepada 102 pelajar pada tahun 2011. Peningkatan trend pengambilan pelajar disebabkan penambahan program serta

pelaksanaan pengambilan melalui agen pemasaran yang dilantik mulai tahun 2012. Prestasi pengambilan pelajar sebenar berbanding sasaran adalah seperti di **Carta 5.2**.


Carta 5.2
Prestasi Pengambilan Pelajar
Bagi Tahun 2010 Hingga Julai 2012



Sumber: MiCoST

- b. Sehingga Julai 2012, seramai 687 pelajar sedang meneruskan pengajian dalam 6 program diploma yang ditawarkan. Bilangan pelajar mengikut program adalah seperti di **Carta 5.3**.

Carta 5.3
Bilangan Pelajar Mengikut Program Sehingga Julai 2012



Sumber: MiCoST

- c. **Menurut maklum balas MiCoST bertarikh 11 Oktober 2012, pihak pengurusan dalam proses menambah 5 program dalaman baru yang sedang dalam proses penyediaan sukanan pelajaran. Pertambahan program baru ini dijangka mampu menarik lebih ramai pelajar.**

5.4.2.2. Prestasi Akademik Pelajar

Prestasi pencapaian Akademik pelajar merupakan aspek yang penting bagi menilai kecemerlangan akademik sesebuah kolej. Bagi pelajar yang mengikuti kursus Diploma Farmasi dengan usaha sama UiTM adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik UiTM. Merujuk kepada para 2.27.1 Peraturan Akademik UiTM, pelajar layak dianugerahkan diploma dengan syarat memperolehi Himpunan Purata Nilaian Gred (CGPA) sekurang-kurangnya 2.00. Sehingga Julai 2012, hanya pelajar program Diploma Farmasi dengan kerjasama UiTM telah menamatkan pengajian (graduate). Semakan Audit mendapati seramai 145 daripada 152 pelajar tamat pengajian dalam bidang Diploma Farmasi dengan kerjasama UiTM bagi tempoh 2010 hingga 2012. Kumpulan pertama pada bulan Mei 2010. Analisis Audit menunjukkan hanya 6 pelajar atau 3.2% telah gagal dan diberhentikan. Seramai 8 daripada 152 pelajar atau 5.3% memperolehi CGPA melebihi 3.75 dan 17 pelajar atau 11.2% memperolehi CGPA antara 3.5 hingga 3.74. Selain itu, seorang pelajar cemerlang telah ditawarkan ke program ijazah sarjana muda oleh UiTM sebelum menamatkan program diploma. Pencapaian akademik pelajar yang telah menamatkan pengajian mengikut CGPA adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Prestasi Akademik Pelajar Telah Tamat Pengajian
Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan April 2012

Keputusan Peperiksaan		Tahun Konvokesyen			Jumlah Pelajar	(%)
Gred (CGPA)	Status	2010	2011	2012		
3.75 hingga 4.00	Anugerah Naib Canselor	2	1	5	8	5.3
3.50 hingga 3.74	Cemerlang	4	3	10	17	11.2
3.00 hingga 3.49	Lulus	22	15	26	63	41.4
2.00 hingga 2.99	Lulus	27	26	5	58	38.2
Kurang 2.00	Gagal dan Diberhentikan	5	0	1	6	3.9
Jumlah		60	45	46	152	100

Sumber: MiCoST

5.4.2.3. Nisbah Bilangan Pensyarah Tetap Dengan Sambilan Tidak Dipatuhi

Staf akademik adalah salah satu komponen yang amat penting dalam memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Bagi memastikan setiap program mempunyai bilangan pensyarah yang sesuai, MQA telah menetapkan nisbah 3:2 atau 60% pensyarah tetap dan 40% sambilan. Semakan Audit mendapati nisbah bilangan pensyarah tetap berbanding sambilan tidak mematuhi ketetapan MQA. Sehingga Jun 2012 nisbah pensyarah bagi Diploma Farmasi ialah 43% pensyarah tetap dan 57% pensyarah sambilan. Diploma Pengurusan Perniagaan ialah 50% pensyarah tetap dan 50% pensyarah sambilan. Kekurangan pensyarah tetap berbanding sambilan dalam bidang farmasi adalah disebabkan faktor kewangan semasa syarikat untuk membayar gaji pensyarah tetap yang lebih tinggi. Selain itu, permintaan pasaran pekerjaan dalam bidang

farmasi lebih baik. Bagaimanapun, keadaan ini tidak menjelaskan pencapaian prestasi pelajar. Nisbah pensyarah tetap berbanding sambilan adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Nisbah Pensyarah Tetap Berbanding Sambilan
Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan Jun 2012

Tahun	Diploma Farmasi			Diploma Pengurusan Perniagaan		
	Tetap	Sambilan	Nisbah	Tetap	Sambilan	Nisbah
2010	8	14	36:64	Tiada	Tiada	Tiada
2011	6	11	35:65	4	2	67:33
2012	9	12	43:57	7	7	50:50

Sumber: MiCoST

5.4.2.4. Kemudahan/Prasarana

Setiap IPT hendaklah menyediakan kemudahan infrastruktur, persekitaran kampus dan peralatan yang mencukupi untuk tujuan program akademik. Antara prasarana yang perlu disediakan ialah kampus dengan kemudahan perpustakaan, asrama penginapan pelajar, makmal komputer, dewan dan bilik kuliah bagi menyokong proses pembelajaran. Sehingga Jun 2012, MiCoST mempunyai 2 kampus yang terletak di Kompleks Yayasan Belia Sedunia dan Rumah Media Melaka MITC.

a. Makmal Fizik Belum Digunakan

Makmal fizik di Kompleks Yayasan Belia Sedunia yang siap dibina pada Jun 2011 merupakan prasarana untuk menjalankan program usahasama Pra-diploma Sains dengan UiTM. Lawatan Audit pada Jun 2012 mendapati makmal fizik yang dibina dengan kos berjumlah RM49,575 dan peralatan makmal berjumlah RM4,966 belum digunakan. Ini disebabkan program-program usaha sama dengan UiTM iaitu Pra-diploma Sains dan Diploma Sains yang dimohon pada tahun 2010 masih belum mendapat kelulusan pihak UiTM untuk melaksanakan program tersebut. Keadaan dan peralatan makmal yang belum digunakan adalah seperti di **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.2**.

Gambar 5.1
Bilik Makmal Yang Belum Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Makmal Fizik MiCoST
Tarikh Siap: Jun 2012
Tarikh: 25 Jun 2012

Gambar 5.2
Peralatan Makmal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Makmal Fizik MiCoST
Tarikh: 25 Jun 2012

b. Bahan Kimia Tamat Tempoh

- i. Antara kemudahan yang perlu disediakan bagi mengendalikan program Farmasi ialah makmal Dispensari, Kimia dan Biologi. Bahan kimia yang disediakan mestilah selamat digunakan dan masih dalam tempoh penggunaan bagi memastikan ujikaji yang dijalankan adalah tepat. Pemeriksaan Audit terhadap 50 bahan kimia pada Jun 2012 mendapat, 10 daripadanya telah tamat tempoh penggunaan dan merengsa. Ini disebabkan pembelian stok yang melebihi keperluan berbanding bilangan pelajar yang menggunakan dan kekerapan ujikaji yang dijalankan. Penggunaan bahan yang telah luput boleh memberi kesan kepada keputusan ujikaji yang tidak tepat. Bahan kimia tamat tempoh dan merengsa seperti di **Jadual 5.5, Gambar 5.3 dan Gambar 5.4**.

Jadual 5.5
Bahan Kimia Tamat Tempoh Dan Merengsa

Bil.	Bahan Kimia	Bilangan (Botol)	Tarikh Luput
1.	<i>Tincture Cardamon Comp BP</i>	7	Januari 2009
2.	<i>Sunsei Yellow Powder</i>	3	April 2010
3.	<i>Magnesium Trisiliat</i>	5	Mei 2010
4.	<i>Castor Oil</i>	5	Januari 2011
5.	<i>Cetostearyl Alcohol</i>	2	Januari 2011
6.	<i>Cetrimide BP</i>	3	Mac 2011
7.	<i>Champor Crystal BP</i>	5	April 2011
8.	<i>Raspberry syrup</i>	3	Jun 2011
9.	<i>Oleic Acid 70%</i>	4	Tiada (merengsa)
10.	<i>Chloroform 2.5 liter</i>	4	Tiada (merengsa)

Sumber: MiCoST

Gambar 5.3
Bahan Kimia Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Makmal Dispensari MiCoST
Tarikh: 25 Jun 2012

Gambar 5.4
Bahan Kimia Merengsa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Makmal Dispensari MiCoST
Tarikh: 25 Jun 2012

- ii. Berdasarkan maklum balas MiCoST bertarikh 11 Oktober 2012, penyediaan ubat oleh pelajar hanya untuk praktikal bukan untuk dimakan dan pelajar tidak dibenarkan membawa keluar ubat yang disediakan. Manakala maklum balas daripada Jabatan Kimia bertarikh 20 November 2012 menjelaskan penyediaan ubat yang dihasilkan tidak tepat dari segi kandungannya dan tidak menepati spesifikasi. MiCoST juga perlu sedar dalam industri farmaseutikal kawalan kualiti ubat amat penting.

c. Kampus MiCoST Di Bangunan Rumah Media Melaka

- i. Mulai Mei 2012, MiCoST telah menyewa Rumah Media Melaka milik Perbadanan Ketua Menteri Melaka bagi menampung bilangan pelajar yang semakin bertambah. Kampus ini telah beroperasi mulai sesi pengambilan pelajar Jun hingga Julai 2012 bagi program Diploma Pengurusan. Lawatan Audit pada Jun 2012 mendapati siling tandas tidak dibaiki dan air longkang bertakung. Semakan Audit selanjutnya mendapati, perjanjian penyewaan masih belum ditandatangani. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab terhadap kerja-kerja pembersihan dan penyenggaraan tidak dapat ditentukan. Keadaan siling tandas dan longkang adalah seperti di **Gambar 5.5** dan **Gambar 5.6**.

Gambar 5.5
Siling Tandas Perempuan Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampus Rumah Media MITC
Tarikh: 22 Jun 2012

Gambar 5.6
Air Longkang Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampus Rumah Media MITC
Tarikh: 22 Jun 2012

- ii. **Menurut maklum balas MiCoST bertarikh 11 Oktober 2012, draf perjanjian telah disediakan dan dalam proses pindaan dan penambahbaikan oleh kedua-dua pihak.**

d. Tiada Perjanjian Perkhidmatan Pengangkutan

Semakan Audit mendapati MiCoST ada menyediakan perkhidmatan pengangkutan secara percuma bagi membawa pelajar yang tinggal di asrama yang terletak di Bandar Melaka. Perkhidmatan yang disediakan adalah merupakan sebuah bas milik Yayasan Melaka, 2 buah bas Panorama, sebuah bas dan sebuah van persendirian. Kadar sewa bagi van persendirian ialah RM4,000 sebulan manakala kadar sewa perkhidmatan bas belum ditetapkan. Sehingga bulan Jun 2012, surat perjanjian bagi penyewaan perkhidmatan 2 buah bas Panorama dan sebuah bas serta van persendirian masih belum disediakan. Maklum balas daripada pelajar mendapati 55 daripada 81 pelajar atau 67.9% menyatakan perkhidmatan pengangkutan yang disediakan tidak memuaskan terutama sekali dari segi jadual perjalanan bas kurang sesuai dengan jadual kelas pelajar. Kesan tiada perjanjian akan menyebabkan tindakan undang-undang sukar diambil sekiranya berlaku sebarang kegagalan oleh kedua-dua pihak.

Pada pendapat Audit pengurusan aktiviti MiCoST adalah baik. Bagaimanapun, pengurusan kemudahan/prasarana masih kurang memuaskan kerana kampus di Bangunan Rumah Media tidak disenggara, kemudahan pengangkutan tidak memuaskan serta makmal fizik dan peralatan tidak digunakan.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal Syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan Syarikat, dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik akan dapat membantu Syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi Syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Bagi mempertingkatkan tadbir urus dalam sektor awam, Ketua Setiausaha Negara telah mengedarkan satu Garis Panduan Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam kepada semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri untuk dipraktikkan dan garis panduan ini perlu diterima pakai oleh Syarikat Kerajaan.

5.4.3.1. Ahli Lembaga Pengarah

- a. Peraturan dan panduan berkaitan pelantikan, kuasa, peranan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah adalah seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat 1965, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kaji semula 2007) oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Buku Hijau. Mengikut Seksyen 122 Akta Syarikat 1965, setiap syarikat hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang pengarah di mana setiap orang mempunyai tempat bermastautin di Malaysia.
- b. Semakan Audit mendapati MiCoST telah melantik seramai 6 orang ahli Lembaga Pengarah dan kesemuanya adalah warganegara Malaysia. Lembaga Pengarah MiCoST dipengerusikan oleh Mantan ADUN Lendu dan dibantu oleh 5 orang ahli Lembaga Pengarah. Mesyuarat Lembaga Pengarah MiCoST telah diadakan sebanyak 3 kali bagi tahun 2009, 6 kali bagi tahun 2010 dan 3 kali pada tahun 2011 dan semua Ahli Lembaga Pengarah MiCoST dibayar elauan secara bulanan.

5.4.3.2. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan setiap syarikat Kerajaan menubuahkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan sejajar dengan usaha untuk meningkatkan kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan syarikat agar kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara. Semakan Audit mendapati MiCoST tidak menubuahkan Jawatankuasa Audit seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling.

5.4.3.3. Unit Audit Dalam

- a. Unit Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan

tahap operasi syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menyatakan, objektif Unit Audit Dalam adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

- b. Semakan Audit mendapati, MiCoST tidak menujuhkan Unit Audit Dalam dan Pengurusan MiCoST juga belum pernah diaudit oleh mana-mana juruaudit termasuk dari Yayasan Melaka dan Bahagian Audit Dalam Dan Siasatan Awam (BADSA), Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.

5.4.3.4. *Standard Operating Procedures (SOP)*

- a. SOP yang lengkap dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia merupakan bahan rujukan pegawai dalam melaksanakan tugas sehari-hari. SOP ini perlu mengandungi maklumat seperti latar belakang Syarikat, objektif, fungsi, prosedur kewangan, prosedur dalam aktiviti yang dilaksanakan dan prosedur berkaitan. SOP yang berkesan mampu mempertingkatkan lagi produktiviti sesebuah syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati MiCoST tidak mempunyai SOP. Bagaimanapun, MiCoST menggunakan ISO 9001:2008 yang berkuat kuasa mulai Januari 2011. Manual kualiti ini bertujuan bagi memastikan pengurusan dan perkhidmatan MiCoST didokumenkan, dilaksana serta diselenggara dengan sistematik bagi memenuhi kehendak pelanggan.

5.4.3.5. *Pembayaran Dividen*

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Syarikat Kerajaan dikehendaki membayar dividen kepada kerajaan sebagai pemegang saham sekurang-kurangnya 10% daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapati MiCoST tidak membayar dividen kepada pemegang saham bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 kerana syarikat hanya memperoleh keuntungan antara RM3,304 hingga RM65,009 dan kedudukan kewangan belum kukuh.

5.4.3.6. *Pembayaran Bonus*

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan pembayaran bonus kepada pegawai yang berkhidmat di Syarikat Kerajaan boleh dilaksanakan apabila syarikat memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Perenggan 4, Pekeliling ini juga menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri adalah diminta

mematuhi Pekeliling ini selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri ke-69 pada Jun 1993. Bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

- b. Semakan Audit mendapati, MiCost ada membuat pembayaran bonus kepada kakitangan pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing berjumlah RM16,100 dan RM47,781. Pembayaran bonus tersebut telah mendapat kelulusan dari Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah MiCoST. Bagaimanapun, tiada maklumat bayaran bonus ini telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan tadbir urus korporat MiCoST adalah memuaskan bagaimanapun Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan masih belum ditubuhkan.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi tahap pencapaian syarikat, adalah disyorkan supaya MiCoST memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 5.5.1.** Mengambil langkah yang perlu supaya pengambilan pelajar mencapai sasaran yang ditetapkan bagi memastikan syarikat terus mencatatkan keuntungan oleh operasinya.
- 5.5.2.** Memastikan nisbah pensyarah tetap dan sambilan selaras dengan peraturan yang ditetapkan MQA.
- 5.5.3.** Perjanjian penyewaan Rumah Media dan perkhidmatan pengangkutan dimuktamadkan dengan segera.
- 5.5.4.** Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan serta mendapatkan khidmat Unit Audit Dalam Yayasan Melaka bagi melaksanakan audit dalaman ke atas syarikat.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
11 Februari 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my